

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

But semula komputer

KENAPA kadang kala dengan hanya membuat but (operasikan semula) sesebuah komputer atau peralatan yang berasaskan komputer dapat menyelesaikan masalah ia berfungsi tidak baik atau langsung tidak berfungsi?

- **UMAR, KL.**

Terima kasih. But semula sesebuah komputer atau peralatan elektronik dapat membersihkan segala proses yang sedang berjalan secara sementara dan tergantung dalam memori.

Jadi, begitu juga dengan tetapan atau konfigurasi baru untuk sesuatu sistem fail atau aplikasi komputer yang dibuat tidak dibaca oleh komputer serta-merta setelah itu kerana komputer membaca konfigurasi atau tetapan lama yang tersimpan dalam memori komputer.

Pelaksanaan but semula membolehkan komputer membaca tetapan atau konfigurasi yang baru.

Namun begitu, ia tidak akan menjejaskan apa-apa sahaja yang sudah ditulis secara kekal dalam cakera keras seperti tetapan fail yang tercemar, data rosak yang perlu dibuang tetapi tidak berupaya berbuat demikian dan apa sahaja bit digital lain yang menetapi dalam komputer. Oleh itu, pemasangan semula sesuatu aplikasi komputer berupaya membantu menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Kaedah ini perlu dicuba sekiranya sesuatu program atau aplikasi komputer itu terbukti jelas bermasalah dalam sesebuah komputer.

Menyahpasangkan dan memasang semula perisian atau aplikasi komputer dapat menyelesaikan masalah data dan tetapan yang bermasalah.

Selain itu, ia juga memastikan aplikasi komputer atau perisian itu dijalankan dengan menggunakan versi terbaru dan lengkap bersama-sama dengan kemas kini perisian terkini dan pembetulan pepijat.

Aplikasi pemacu peranti dan *firmware* tidaklah penting sangat untuk dikemas kini sekiranya ia sudah berada dalam sesebuah sistem komputer.

Namun begitu, sekiranya perlu untuk dibuat pengemaskinian perisian, lihat kepada laman web pihak pengeluar.

Seterusnya pastikan kod kemas kini yang ada dan betul untuk sesebuah perkakasan atau peranti seperti kad grafik, pencetak, komponen-komponen lain dan lain-lain.

Lihat juga apa sahaja panduan dan maklumat daripada pihak pengeluar yang berkaitan dengan proses pengemaskinian tersebut.